

EDISI kelima Larian Amal Mid Valley City ini berjaya menarik penyertaan seramai 2,000 orang peserta.



VARIA

PENGARAH
Eksekutif IGB REIT
Management Sdn.
Bhd., Elizabeth Tan
menyampaikan
replika cek hasil
kutipan dana
kepada penyelaras
program penjagaan
sungai GEC, Dr. K.
Kalithasan.

Larian amal Mid Valley kumpul dana RM100,000

LARIAN Amal Mid Valley City yang berlangsung pada 5 Ogos lalu berjaya mengumpul dana sebanyak RM100,000 untuk menyokong perlindungan alam sekitar dan inisiatif penggunaan sumber secara lestari.

Larian itu dianjurkan oleh The Gardens Mall dan Mid Valley Megamall. Buat julung-julung kali edisi kali kelima itu bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan iaitu Global Environment Centre (GEC) untuk mempromosi dan

meningkatkan kesedaran mengenai pendidikan serta isu alam sekitar secara global.

Dana yang dikumpul melalui bayaran yuran pendaftaran daripada 2,000 peserta larian amal tersebut akan disalurkan kepada GEC untuk menjayakan usaha yang dilakukan pertubuhan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif IGB REIT Corporation Berhad, Antony Patrick Barragry berkata,

sebagai warga korporat, pihaknya ingin mengambil bahagian secara aktif dalam mempengaruhi komuniti tempatan berhubung alam sekitar.

"Kami berasa seronok apabila melihat begitu ramai orang teruja untuk berlari sambil mengumpul dana di atas sebab yang baik seperti ini.

"Kami berharap ia dapat menyokong GEC dalam meneruskan komitmen mereka," ujarnya dalam satu kenyataan akhbar kepada *Kosmo!* baru-baru ini.